



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA  
INDEKS KOS BAHAN BINAAN  
DISEMBER 2023

**Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 1.8 peratus pada Disember 2023**

**PUTRAJAYA, 12 Januari 2024** – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, DISEMBER 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan indeks harga seunit besi merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 1.8 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Disember 2023 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi harga seunit besi adalah di Perak (1.8%), diikuti Johor (1.1%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan utama seperti batu baur, pasir dan papan lapis bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Indeks harga seunit keratan keluli dan logam juga kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka &

Negeri Sembilan (-0.1%), Kota Kinabalu (-0.2%) dan Miri (-2.0%). Peningkatan kecil dalam indeks harga bahan ini di kawasan Perak dan Kuching iaitu masing-masing 0.1 peratus.

Perbandingan bulanan pada Disember 2023 turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi beberapa kawasan iaitu di Johor (1.6%), diikuti Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Terengganu & Kelantan iaitu masing-masing 0.6 peratus.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Disember 2022 dan Disember 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 peratus hingga 18.9 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi Terengganu & Kelantan (18.9%), diikuti oleh Pulau Pinang, Kedah & Perlis (17.4%). Indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 4.6 peratus bagi Disember 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, terdapat penurunan indeks harga seunit besi dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-2.4%), Tawau (-3.1%) dan Miri (-3.0%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,629.77 bagi setiap tan metrik dengan peningkatan kecil iaitu 0.2 peratus berbanding bulan sebelumnya (November 2023: RM3,621.24 per tan metrik). Purata harga simen (*Ordinary Portland*) juga telah mencatatkan peningkatan kecil iaitu 0.2 peratus dengan purata harga RM23.00 per 50 kg sekarung berbanding November 2023 (RM22.94 per 50 kg sekarung).

Selain daripada itu, perbandingan bulanan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan Disember 2023 mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.4 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.5 peratus dicatatkan

di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah pula menunjukkan peningkatan di antara 0.1 peratus hingga 1.7 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan dan Tawau pada Disember 2023 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu mencatatkan penurunan negatif 0.1 peratus.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Disember 2023 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching. Manakala indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Miri mencatatkan penurunan indeks antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 0.7 peratus bagi semua kategori bangunan pada Disember 2023 berbanding bulan November 2023.

Berdasarkan perspektif global, menurut laporan daripada *South East Asia Iron and Steel Institute* (SEAISI) pada Disember 2023 meramalkan bahawa harga keluli China mungkin akan meningkat pada tahun 2024. Ini disebabkan oleh jangkaan peningkatan permintaan pasaran domestik dan antarabangsa, ditambah dengan peningkatan kos yang berterusan berpunca daripada harga bahan input yang kekal tinggi.

Manakala menurut laporan *Global Steel Outlook 2024* oleh *Fitch Ratings*, Disember 2023, tinjauan global bagi sektor keluli pada 2024 adalah neutral kerana pasaran keluli sebahagian besarnya akan seimbang dan dalam keadaan yang lebih baik berbanding setahun lalu. Laporan tersebut menjangkakan pertumbuhan satu digit yang rendah dalam permintaan di kebanyakan wilayah, kecuali di China, di mana pengeluaran dan penggunaan dijangka sedikit menurun. Laporan tersebut turut menjangkakan bahawa sektor pembuatan, industri automotif dan infrastruktur, terutamanya yang dikaitkan dengan peralihan tenaga, akan kekal sebagai pemacu permintaan utama, manakala sektor pembinaan akan terus terjejas akibat kadar faedah yang tinggi.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Januari 2024

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari [www.padu.gov.my](http://www.padu.gov.my) bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut;


- i) MyGCC : 1-800-88-7720
- ii) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7721
- iii) Aduan online melalui SISPAA:<https://padu.spab.gov.my>.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Januari 2024

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2022 – Disember 2023**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2022 – Disember 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 JANUARI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA  
DECEMBER 2023**

---

***The price index of steel recorded an increase between 0.2 per cent to 1.8 per cent in December 2023***

**PUTRAJAYA, January 12, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, DECEMBER 2023, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.**

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, the unit price index of steel recorded an increase between 0.2 per cent to 1.8 per cent for almost all areas in December 2023 as compared to the previous month. The highest increase in the unit price of steel were in Perak (1.8%), followed by Johor (1.1%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%).*

*The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that a month-on-month comparison of selected construction materials and areas showed the unit price index remained unchanged for selected material such as aggregates, sand and plywood for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.*

*The unit price index for steel and metal sections also remained unchanged for most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight decrease in the price index of this material for Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.1%), Kota Kinabalu (-0.2%) and Miri (-2.0%). There was a slight increase in the price index of this material in Perak and Kuching, which was 0.1 per cent respectively.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 12, 2024

The monthly comparison in December 2023 also recorded that the unit price index for cement remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight increase in the unit price index for this material for a few areas, namely in Johor (1.6%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Terengganu & Kelantan, which was 0.6 per cent respectively.

An annual comparison for the period of December 2022 and December 2023 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 2.8 per cent to 18.9 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. The highest increase in the price index per unit of cement was observed in Terengganu & Kelantan (18.9%), followed by Pulau Pinang, Kedah and Perlis (17.4%). The price index per unit of steel increased between 0.5 per cent to 4.6 per cent in December 2023 as compared to the corresponding month of the previous year. Nevertheless, the decrease in the unit price index of steel was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-2.4%), Tawau (-3.1%) dan Miri (-3.0%).

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,629.77 per metric tonne, recording a slight increase of 0.2 per cent as compared to the previous month (November 2023: RM3,621.24 per metric tonne). The average price of cement (Ordinary Portland) also recorded a slight increase of 0.2 per cent with an average price of RM23.00 per 50 kg bag as compared to November 2023 (RM22.94 per 50 kg bag).

Apart from that, the month on month of the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in December 2023 increased between 0.2 per cent to 2.4 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) between negative 0.1 per cent to negative 0.5 per cent was posted for Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded an increase between 0.1 per cent to 1.7 per cent for almost all building categories in Sandakan and Tawau in December 2023

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 12, 2024

as compared to the previous month. However, the index for almost all building categories in Kota Kinabalu recorded a decrease of negative 0.1 per cent.

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for December 2023 showed a slight increase in the index of 0.1 per cent for almost all categories of buildings in Kuching. Meanwhile, the index for all building categories in Miri recorded a decrease in the index between negative 0.2 per cent to negative 0.7 per cent for all building categories in December 2023 as compared to November 2023.

On a global perspective, based on a report from the South East Asia Iron and Steel Institute (SEAISI) in December 2023, predicted that Chinese steel prices would likely rise in the following year. This is due to the expected slight expansion of both domestic and international market demand, coupled with ongoing cost increases due to the consistently high prices of input materials.

Meanwhile, according to the Global Steel Outlook 2024 report from the Fitch Rating, December 2023, the global outlook for steel sector in 2024 is neutral as steel markets will be largely balanced and in a slightly better condition than a year ago. The report expects low single-digit growth in demand in most regions, except for China, where both production and consumption expected to decline slightly. The report also expected that manufacturing sector, automotive and infrastructure industries, especially that linked to the energy transition, will remain key demand drivers, while the construction sector will continue to be affected by high interest rates.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 12, 2024

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

The Primary Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents aged 18 and over in Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind of every people-oriented initiative implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit [www.padu.gov.my](http://www.padu.gov.my) for more information related to PADU or contact the following hotline;


- i) MyGCC: 1-800-88-7720
- ii) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7721
- iii) Complain online through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2022 – December 2023**



**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 12, 2024

**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2022 – December 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
12 JANUARY 2024**